

16 AUG 2001

Mahathir-Yemen

DR MAHATHIR MULA LAWATAN EMPAT HARI KE YEMEN

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

SANA'A, 16 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berada di sini untuk melakukan lawatan rasmi empat hari ke Yemen bagi meningkatkan lagi hubungan antara Malaysia dan negara Asia Barat ini dalam sektor awam dan swasta.

Beliau tiba di lapangan terbang antarabangsa Sana'a yang dikelilingi bukit itu semalam dengan diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Ketibaan mereka disambut oleh Perdana Menteri Yemen Abdul Kader Ba Jammal. Turut berada di lapangan terbang itu ialah anggota delegasi Malaysia yang sudah tiba di ibu kota Yemen ini sebelum itu.

Dr Mahathir akan memulakan acara hari kedua lawatannya hari ini dengan mengadakan pertemuan "empat mata" dengan Abdul Kader, diikuti dengan perbincangan delegasi kedua-dua negara.

Bagi menzahirkan komitmen Malaysia dan Yemen untuk mengukuhkan lagi perhubungan, dua kokumen akan ditandatangani -- yang pertama mengenai penubuhan Suruhanjaya Bersama Malaysia-Yemen manakala yang satu lagi mengenai kerjasama dalam bidang latihan pentadbiran awam.

Di samping itu Dr Mahathir dijadual menemui anggota Majlis Syura Yemen, ulama dan ahli akademik di Akademi Polis Sana'a.

Beliau kemudian akan mengujungi Presiden Yemen Ali Abdullah Salleh di Istana Presiden sebelum diraikan pada majlis makan tengah hari oleh presiden itu.

Petang ini Dr Mahathir akan berlepas dengan kapal terbang ke Aden untuk melawat pelabuhan Aden dan Kawasan Perdagangan Bebas Aden.

Beliau dijadual mengunjungi Gabenor Aden, Taha Ahmad Ghanem sebelum menghadiri satu mesyuarat dan sesi dialog dengan ahli perniagaan dan anggota Dewan Perniagaan dan Perindustrian Yemen di Aden Hotel.

Acara akhir Dr Mahathir bagi hari ini ialah menghadiri majlis makan malam yang akan diadakan oleh gabenor itu di Gold Mohur Sheraton Hotel.

Yemen yang terletak di penjuru selatan semenanjung Arab mempunyai penduduk kira-kira 18 juta.

Negara ini mula menikmati kestabilan politik hanya selepas penyatuan Yemen Utara dan Selatan pada 1990, terhapusnya pergerakan pemisahan pada 1994 dan termeterainya perjanjian sempadan dengan Arab Saudi pada tahun lepas.

-- BERNAMA

MAM RM NMO